

Persepsi Orang Kurang Upaya (OKU) terhadap Potensi Perusahaan Kecil dan Keusahawanan dari Rumah untuk Aksesibiliti Premis Persendirian

(Perceptions of People with Disabilities (PwDs) on the Potential of Small Enterprises and Entrepreneurship from Home for Accessibility of Private Premises)

Nur Amirah Abd Samad^{a*}, Asiah Abdul Rahim^b & Nurul Aishah Abu Bakar^a

^aJabatan Seni Bina dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia.

^bDepartment of Architecture and Environmental Design, Kulliyah of Architecture and Environmental Design, International Islamic University Malaysia.

*Corresponding author: amirahsamad@ukm.edu.my

Received 11 May 2022, Received in revised form 2 June 2022

Accepted 14 July 2022, Available online 30 October 2022

ABSTRAK

Covid -19 yang telah mula merebak ke Malaysia pada tahun 2020 telah mengubah corak kehidupan rakyat dari sudut ekonomi, sosial dan persekitaran. Norma kehidupan baharu yang diperkenalkan telah mengubah kehidupan dan telah membantutkan pertumbuhan ekonomi negara lebih-lebih lagi apabila banyak syarikat yang telah menutup perniagaan mereka. Satu impak dari perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan memberi kesan terhadap sektor pekerjaan. Hal ini kerana, banyak sektor pekerjaan yang terpaksa ditutup sebagai usaha membantu kerajaan mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular di dalam masyarakat. Kebanyakan syarikat, operasi perniagaan, organisasi swasta serta kerajaan ditutup serta merta semasa PKP telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan hingga menyebabkan syarikat terpaksa membuang pekerja. Walaupun ia terkesan bagi semua orang namun golongan orang kurang upaya (OKU) ini lebih banyak terkesan dengan keterbatasan yang mereka telah alami sebelum ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi OKU terhadap potensi menaiktaraf aksesibiliti premis persendirian supaya mesra OKU sebagai rangsangan fizikal untuk kemajuan perniagaan dan perusahaan kecil OKU. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kaedah reka bentuk gabungan penerokaan dengan memulakan kajian dengan mengkaji dokumen-dokumen berkaitan bantuan kewangan kerajaan dan seterusnya mengedarkan borang kaji selidik. Kesimpulan kajian ini akan mengetengahkan persepsi OKU dalam bidang keusahawanan di premis fizikal dan bantuan kewangan kerajaan yang telah diberikan sebelum dan sewaktu pandemik berlaku di Malaysia.

Kata kunci: Keusahawanan OKU; bantuan kewangan kerajaan; aksesibiliti premis persendirian

ABSTRACT

Covid -19 which has started to spread to Malaysia in 2020 has changed the lifestyle of the people in terms of economic, social and environmental. The new living norms introduced have changed lives and have stunted the economic growth of the country especially when many companies have closed their businesses. An impact from the movement control order (MCO) implemented has an impact on the employment sector. This is because, many employment sectors had to be closed in an effort to help the government curb the spread of COVID-19 from continuing to spread in the community. Most companies, business operations, private organizations and the government were shut down immediately during MCO, which has resulted in many companies not being able to cover their expenses, causing companies to lay off employees. Although it affects everyone but the disabled are more impressed with the limitations they have experienced before. The purpose of this study is to find out the perception of persons with disabilities (PwDs) on the potential of upgrading the accessibility of private premises to be PwDs friendly as a physical stimulus for the development of PwDs businesses and small enterprises. Therefore, this study uses an exploratory mixed method design approach by starting the study by reviewing the documents related to government financial assistance and subsequently distributing the survey form. The conclusion of this study will highlight the perceptions of PwDs in the field of entrepreneurship in physical premises and government financial assistance that has been provided before and during the pandemic in Malaysia.

Keywords: PwDs entrepreneurship; government financial pandemic aid; Accessibility at private premises

PENGENALAN

Tahun 2020 adalah tahun yang mencabar bagi seluruh masyarakat dunia akibat pandemik Covid-19. Ditambah pula dengan norma kehidupan baharu, apabila pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kuarantin di rumah dan sekatan jalan semakin menyukarkan kehidupan dan menambahkan kebimbangan rakyat untuk meneruskan kehidupan terutamanya di Malaysia (Mustaffa 2020). Menurut Hossain (2021) keadaan ekonomi dunia yang merundum telah mengakibatkan ramai yang mengalami kegelisahan (*anxiety*), pembatalan tempahan, diberhentikan kerja dan dipotong gaji. Menurutnya lagi, disebabkan oleh pandemik ini banyak syarikat besar yang susut nilai kerana ramai pelanggan yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan serta kebimbangan pelabur terhadap pengecutan perniagaan yang ketara. Menurut Rashid (2020), salah satu impak dari PKP yang dilaksanakan memberi kesan terhadap sektor pekerjaan. Hal ini kerana, banyak sektor pekerjaan yang terpaksa ditutup sebagai usaha membantu kerajaan mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular di dalam masyarakat. Kebanyakan syarikat, operasi perniagaan, organisasi swasta serta kerajaan ditutup serta merta semasa PKP telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan hingga menyebabkan syarikat terpaksa membuang pekerja.

Hal ini tidak terkecuali bagi golongan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia kerana mereka juga sama-sama terkesan akibat daripada perubahan ekonomi yang berlaku. Seperti yang dinyatakan oleh Jaafar et al. (2017) jumlah golongan OKU yang ramai di Malaysia mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana golongan ini mempunyai hak samarata untuk bekerja dan memperoleh pendapatan yang sama seperti orang lain.

Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) oleh kerajaan bagi mengawal penularan jangkitan Covid-19 di Malaysia telah menjejaskan ekonomi banyak pihak termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) yang bekerja. Bagi membantu ekonomi OKU bekerja yang terjejas, beberapa inisiatif telah diberikan oleh kerajaan. Pelbagai bantuan belanjawan yang diberikan adalah untuk menggalakkan keusahawanan dan perusahaan kecil. Situasi pandemik ini adalah waktu yang sesuai bagi orang ramai membuka mata bagi sektor keusahawanan dan perniagaan ini (Korsgaard et al. 2020). Menurut Abbas dan Md Khair (2017) ramai belia dari golongan OKU ini sangat berminat untuk berniaga sebagai langkah untuk membantu keluarga. Perkara ini menjelaskan bahawa golongan OKU ini tidak hanya berharap kepada bantuan semata-mata, tetapi juga menginginkan kehidupan yang lebih bagus tanpa menyusahkan sesiapa. Namun begitu, perniagaan tidak dapat dijalankan oleh OKU sekiranya kemudahan mesra OKU tidak tersedia untuk membantu pergerakan golongan ini. Amin dan Manap (2017) turut menekankan masalah kemiskinan dalam kalangan OKU dapat dibendung sekiranya isu aksesibiliti ini ditangani. Ini bertujuan agar segala

keperluan golongan ini dapat dipenuhi, OKU dapat berdikari serta boleh keluar bekerja untuk mencari perkerjaan sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup.

Menurut Rashid et al. (2020) dalam tempoh PKP ini adalah waktu yang paling sesuai bagi peniaga-peniaga dan perusahaan kecil untuk mengubah struktur perniagaan mereka. Di dalam kajian yang dilakukan oleh Han (2017) telah diketahui sepanjang kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1929-1935, aktiviti perniagaan adalah cara yang terbaik bagi membantu meningkatkan taraf hidup. Menurut Buyung dan Shafii (2018) mereka menyatakan bahawa dengan menyediakan kemudahan bagi OKU, ia akan menjadikan sesuatu tempat itu lebih kondusif dan selesa untuk didiami.

Tambahan lagi, Abd Samad et al. (2018) menyatakan bahawa isu aksesibiliti di bangunan awam dan persekitaran alam bina masih mempunyai masalah mitigasi dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang perlu diselesaikan. Justeru itu, Mohamad et al. (2015) telah menekankan terdapat keperluan untuk menyediakan aksesibiliti dan fasiliti mesra OKU di premis perniagaan mereka samada premis persendirian atau berkelompok agar lebih kondusif bagi membantu pembangunan dan peningkatan potensi pemikiran usahawan OKU. Penyediaan ruang yang bebas halangan bagi golongan OKU adalah penting bagi memudahkan pergerakan dan mesti menjadi tonggak utama kerajaan dalam modal insan pembangunan (Maidin, 2008). Apabila ruang dan peluang ini disediakan oleh pihak-pihak yang berwajib, OKU yang terjejas tidak merasa terbeban untuk memulakan perniagaan sewaktu berlakunya pandemik.

OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan untuk membantu golongan OKU bekerja yang terjejas akibat pandemik Covid-19 untuk memulakan perusahaan baru serta potensi berniaga di premis sendiri. Jadi objektif kajian ini adalah untuk menganalisa persepsi OKU terhadap potensi menaiktaraf premis persendirian supaya mesra OKU sebagai ransangan fizikal untuk kemajuan perniagaan perusahaan kecil OKU.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah reka bentuk gabungan penerokaan dengan memulakan kajian dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan bantuan kewangan kerajaan untuk golongan OKU. Seterusnya pengedaran borang kaji selidik dengan sampel tertumpu kepada golongan OKU bekerja yang terjejas pendapatan sepanjang pelaksanaan PKP. Instrumen kajian merupakan borang kaji selidik yang diedarkan adalah menerusi kumpulan-kumpulan OKU atas talian seperti di facebook dan whatsapp. Mereka yang terlibat dengan kaji selidik ini adalah terdiri daripada golongan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN AKSES OKU DI PREMIS PERNIAGAAN

Kajian ini akan memberi penekanan kepada keperluan dan kemudahan aksesibiliti di premis perniagaan. Berdasarkan kajian yang dilakukan Mohamad et al. (2015) menyatakan kepentingan penyediaan gerai jualan atau premis perniagaan bagi seseorang individu yang berniaga. Di dalam kajian Amin dan Manap (2017) ada menyatakan masih terdapat ramai OKU di luar bandar yang tidak mendapat pelbagai akses seperti akses kepada rawatan kesihatan, akses kepada pendidikan, akses kepada pekerjaan. Hal ini adalah berpunca daripada keterbatasan untuk bergerak akibat daripada ketidakupayaan dan kemiskinan yang dialami mereka.

Selain masalah jaringan aksesibiliti, keperluan aksesibiliti di tempat kerja perlu dititikberatkan bagi menangani masalah psikososial dalam kalangan OKU di Malaysia (Mohd et al. 2017). Dengan menitikberatkan masalah psikososial bagi golongan ini, ia dapat membantu dengan pengurangan kadar tekanan, OKU lebih berdaya untuk bekerja dan persekitaran kerja lebih sihat.


Di dalam Pelan Tindakan Bagi Memperkasakan Penempatan Pekerja OKU yang telah dilaporkan oleh Wahiza (2018), mendapati bahawa OKU berjaya akan mengaitkan keupayaan mereka untuk bekerja dengan pengetahuan serta kemahiran. OKU yang mahir akan mengadaptasi dan menyesuaikan diri untuk menyelesaikan tugas mereka. Pengetahuan dan kemahiran membolehkan mereka untuk mengatur strategi yang lebih berkesan dalam pelaksanaan tugas harian amat perlu untuk

menyesuaikan diri dengan persekitaran di tempat kerja. Walaupun, maklumat ini diperolehi sebelum berlakunya pandemik, tidak dinafikan bahawa jika tiada kemahiran untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja, OKU akan terus berasa terasing, janggal dan tidak gembira di tempat kerja. Ini bermakna persekitaran premis tempat bekerja adalah penting untuk kejayaan perniagaan mengikut keupayaan mereka.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MALAYSIA

Menurut laporan yang telah diberikan oleh Rashid (2020), PKP adalah salah satu langkah kerajaan untuk memutuskan rantaian penularan Covid-19 di Malaysia. Norma baharu yang dijalankan telah mengakibatkan rakyat tidak boleh keluar dari rumah. Ia telah memberi impak yang besar kepada terutama sektor pekerjaan. Bagi syarikat yang masih menjalankan operasi SOP yang mereka hadapi begitu ketat dan menelan banyak kos perbelanjaan.

Menurutnya lagi kekurangan pelanggan akibat dari PKP ini telah menyebabkan banyak syarikat menutup premis perniagaan mereka. Kebanyakan syarikat tidak mampu menanggung kos perbelanjaan termasuk menggajikan pekerja. Jadi untuk mengurangkan kos yang ditanggung, ramai pekerja telah diberhentikan. Perkara ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan Hasbullah et al. (2020) dan Nasir (2021) apabila kajian yang dilakukan menyatakan akibat daripada PKP ini banyak perusahaan telah mula mengalami kerugian dan bertindak untuk membuang pekerja. Hal ini dijelaskan lagi di dalam Rajah 1 di bawah.




RAJAH 1. Impak PKP terhadap pengangguran dan ekonomi di Malaysia
(Sumber: Talha 2020)

Kajian ini dikukuhkan lagi dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Ammituh dan Abdullah (2020) di Semporna, Sabah apabila mendapati terdapat ramai penduduk yang terjejas akibat pelaksanaan PKP. Antara sektor yang terjejas

adalah pelancongan, perkhidmatan, perhotelan peruncitan / perniagaan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, bagi rakyat yang bekerja di perkhidmatan awam, mereka masih lagi mendapat pendapatan yang sama seperti sebelum PKP dijalankan.

Jenis Sektor



RAJAH 2. Sektor ekonomi yang terjejas di Semporna, Sabah.
(Sumber: Ammituh & Abdullah 2020)

INISIATIF PAKEJ RANGSANGAN RAKYAT PRIHATIN (PRIHATIN)

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kerajaan ada memberikan inisiatif kepada rakyat. Kajian seperti dilakukan oleh Rashid (2020) telah melaporkan sebanyak RM250 billion telah dikeluarkan kerajaan Malaysia di dalam Pakej Ransangan Rakyat Prihatin (PRIHATIN) dan RM 10 billion diberikan secara 'sekali beri' kepada golongan B40 dan M40 dalam Bantuan Prihatin Rakyat (BPN).

Bantuan ini adalah bagi membantu rakyat menanggung kos sara hidup dan perbelanjaan sekolah anak-anak.

Kementerian Sumber Manusia turut mengumumkan bantuan Program PENJANA KERJAYA melalui Pertubuhan keselamatan sosial Pekerja (PERKESO). Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diberi juga secara tidak langsung meningkatkan lagi peluang pekerjaan bagi mengurangkan pengangguran yang terjadi di Malaysia. Terbaru adalah bantuan PEMULIH seperti yang diumumkan pada 28 Jun 2021, ramai OKU yang mampu menarik nafas lega dengan bantuan yang bakal diterima (Bernama 2021).

JADUAL 1. Insentif bantuan belanjawan kerajaan kepada rakyat Malaysia khusus OKU selepas pelaksanaan PKP akibat pandemik Covid-19.

Tahun	Jenis Bantuan	Insentif Bantuan Belanjawan Kerajaan kepada Rakyat Malaysia khusus OKU
2021	Pemulih	Penjana Kerjaya 3.0. Bayaran gaji sebanyak RM1200 termasuk bantuan EPC. Inisiatif bantuan tunai sebanyak RM500 selama 3 bulan.
	Belanjawan 2021	Program Khidmat Bantu di Rumah. Skim 1 OKU 1 Perniagaan. Kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) dinaikkan daripada RM400 kepada RM450. Bantuan Bulanan OKU tidak berupaya bekerja RM 300 daripada RM250.
	MYKASIH	Bantuan sebanyak RM 100 selama 3 bulan. Bantuan Modal Perniagaan Khas Untuk Wanita.
	PRIHATIN OKU	RM 20 juta untuk Program Keusahawanan. RM26 juta bagi elaun OKU yang bekerja. RM25 juta bagi skim mikrokredit istimewa.
	i-Sinar KWSP	Pengeluaran RM10 000 dari Akaun 1. Baucar Perlindungan Tenang.
	PEMERKASA	Meningkatkan had kelayakan gaji maksimum bagi bantuan EPC daripada RM1,200 kepada RM1,500 sebulan. Peruntukan sebanyak RM20 juta bagi memperkukuhkan program keusahawanan termasuk memasarkan produk bakeri dan hasil tangan oleh OKU. Golongan OKU berpeluang untuk mendaftar dan memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka dengan SSM secara percuma sebagai galakan menceburi bidang perniagaan. RM25 juta diperuntukkan kepada BSN di bawah Skim Mikrokredit ISTIMEWA bagi golongan OKU menceburi bidang perniagaan dengan had pembiayaan sehingga 50 ribu ringgit dan kadar faedah serendah 3 peratus.

bersambung ...

... sambungan

2020	PRIHATIN	Pemberian diskaun 2 peratus ke atas bil elektrik bagi sector komersil. Penangguhan ansuran cukai pendapatan kepada semua perusahaan kecil dan sederhana (PKS).
	PENJANA	Bantuan one-off RM 300 kepada OKU.
	April 2020	Percuma sewa premis perniagaan DBKL. Bantuan JKM sebanyak RM150 juta.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

ANALISA RESPONDEN KEUSAHAWANAN GOLONGAN OKU

Kajian ini mendapatkan respond daripada 36 responden yang terdiri daripada OKU yang mempunyai kurang upaya pergerakan, mempunyai pendapatan dan datang daripada pelbagai latar belakang.

Jadual 2 menunjukkan peringkat umur dan kategori kurang upaya serta bilangan responden berdasarkan kekerapan dan peratusan daripada jumlah keseluruhan. 36 responden yang terlibat. Responden berumur 30-39 tahun iaitu 14 orang iaitu 38% daripada keseluruhan merupakan majoriti responden diikuti dengan 27% daripada golongan berusia 40-49 tahun dan 25% daripada golongan 19-29 tahun. Hal ini adalah kerana borang yang diedarkan di medium sosial media *facebook* menunjukkan kebanyakan penggunanya adalah dari lingkungan usia 25 -45 tahun.

JADUAL 2. Kategori latar belakang responden

Item	Kategori	Peratus Kekerapan (f)%
Umur	18-29	9(25%)
	30-39	14(38%)
	40-49	10(27%)
	50-59	3(8%)
Kategori OKU	Fizikal	28(77%)
	Penglihatan	2(5%)
	Pendengaran	2(5%)
	Pembelajaran	1 (2%)
	Mental	3(8%)

Didapati responden adalah dalam kategori OKU seramai 28 orang (77%) responden yang terdiri daripada OKU fizikal/berkerusi roda, dua orang (5%) daripada kategori penglihatan dan pendengaran, seorang (2%) daripada kategori OKU pembelajaran dan selebihnya tiga orang (8%) daripada kurang upaya mental. Ini jelas menunjukkan bahawa golongan OKU dari kategori fizikal adalah yang paling ramai menjawab borang soal selidik. Menurut data yang diperolehi dari JKM pada Januari 2021 seramai 216 011 orang terdiri daripada kategori fizikal yang merupakan majoriti daripada jumlah keseluruhan OKU seramai 592 856 orang.

Jadual 3 pula menunjukkan analisa status pekerjaan semasa pelaksanaan PKP diumumkan. Seramai 23 orang (63%) telah diberhentikan kerja namun selebihnya masih lagi bekerja. Bagi item sumber pendapatan semasa pula seramai 15 orang (41%) yang mengusahakan perniagaan dan tidak bekerja manakala hanya 8% sahaja yang berjaya mendapatkan pekerjaan baru.

Analisa data mendapati bahawa majoriti telah diberhentikan kerja sewaktu pandemik ini. Sumber pendapatan semasa adalah melalui keusahawanan persendirian kerana kerja semakin sukar didapati menyebabkan golongan OKU ini perlu mencari alternatif lain yang boleh dilakukan mereka iaitu dengan berniaga. Namun mereka perlu mencari penyelesaian jika hendak memulakan perniagaan tersebut di premis bersesuaian kerana keadaan PKP yang berkehendak setiap orang untuk tidak keluar rumah walaupun untuk berniaga.

JADUAL 3. Insentif bantuan belanjawan kerajaan bantuan dan sara diri sepanjang pandemik

Item	Kategori	Peratus Kekerapan (f)%
Status Perkerjaan	Diberhentikan	
	Ya	23(63%)
	Tidak	13(36%)
Sumber Pendapatan Semasa	Berniaga/Keusahawanan	15(41%)
	Tidak bekerja	15(41%)
	Pekerjaan baru	3(8%)

ANALISA INISIATIF DAN BANTUAN KERAJAAN KEPADA GOLONGAN OKU SEDIADA DAN KETIKA PANDEMIK

Menurut data seramai 26 orang (72%) adalah penerima bantuan OKU yang berdaftar dan menerima bantuan dari JKM manakala selebihnya 7 orang (19%) tidak menerima bantuan. Bagi item penerima insentif selain OKU hanya 12 orang (33%) yang menerima dan selebihnya tidak menerima sebarang bantuan lain selain daripada bantuan dari JKM. Bantuan JKM yang diterima adalah pelan pekerja cacat (EPC), bantuan orang tua. Terdapat kenyataan yang mengatakan bahawa dia telah membuat permohonan ke JKM untuk mendapatkan bantuan seperti EPC namun hampa kerana permohonan ditolak atau tidak menepati keperluan bantuan JKM. Kebanyakan dari mereka yang tidak mendapat bantuan ini adalah pengusaha kecil OKU atau OKU yang berniaga sendiri di premis perniagaan.

JADUAL 4. Persepsi OKU terhadap keusahawanan dan premis sedia ada untuk memulakan perniagaan.


Kategori	Respon (jumlah dan peratus)					Min	
	1	2	3	4	5		
Skala Likert							
Bantuan yang diterima mencukupi	9 (25%)	10 (27%)	10 (27%)	2 (5%)	2 (5%)	2.33	
Berminat untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan		3 (8%)	2 (5%)	6 (16%)	8 (22%)	16 (40%)	3.91
Kesuaian premis/rumah sedia ada untuk menjalankan perniagaan		3 (8%)	3 (8%)	13 (3%)	4 (11%)	13 (36%)	3.58
Lebih bersemangat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi lebih bantuan		3 (8%)	- (0%)	2 (5%)	6 (16%)	26 (72%)	4.50

Jadual 4 merupakan data analisa mengenai persepsi OKU terhadap keusahawanan dan premis sedia ada untuk memulakan perniagaan. Bagi kategori menerima bantuan yang mencukupi nilai min yang diterima adalah dibawah nilai 2.5 yang menunjukkan majoriti adalah tidak bersetuju dengan jumlah bantuan yang diterima. Manakala sebanyak 3.91 nilai min yang berminat untuk menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan. Dan sebanyak 3.58 nilai min adalah bersetuju untuk menjalankan perniagaan di premis/rumah sedia ada. Bagi kategori lebih bersemangat untuk memulakan perniagaan sekiranya mendapat bantuan nilai min yang diterima adalah sebanyak 4.5. Data ini menunjukkan responden merasakan bantuan yang diterima tidak mencukup dan lebih bersemangat untuk memulakan perniagaan bagi menambah sumber pendapatan.

Data dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mereka amat berminat untuk menjalankan perusahaan di premis persendirian atau rumah sendiri. Secara logiknya kebanyakan daripada mereka lebih selesa untuk bekerja dari rumah dengan kemudahan yang telah diubahsuai mengikut keperluan masing-masing. Kebanyakan responden merasakan tidak cukup dengan jumlah bantuan yang diterima daripada pihak JKM, oleh yang demikian ramai yang lebih bersemangat untuk memulakan perniagaan sekiranya jumlah bantuan yang diterima dinaikkan sebagai modal perniagaan.

INISIATIF KEUSAHAWAN OKU DALAM MENINGKATKAN EKONOMI

Geran Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya atau SBGP-OKU adalah skim bantuan yang diberikan oleh kerajaan untuk menggalakkan OKU untuk berniaga. Data ini adalah amat penting untuk dianalisis kerana ia mempengaruhi tahap pengetahuan OKU mengenai bantuan yang telah disediakan kerajaan.



RAJAH 3. Pengetahuan OKU mengenai skim pinjaman SBGP-OKU

Rajah 3 menunjukkan hanya 30% sahaja yang mengetahui mengenai kewujudan skim ini. Manakala selebihnya 70% tidak mengetahui mengenai skim ini. Walaupun ramai yang berminat namun masih ramai yang tidak mengetahui mengenai bantuan perusahaan dan perniagaan yang ada ini. Pengetahuan mengenai skim adalah berbeza bagi setiap individu. Namun seandainya maklumat ini dapat disebar, ia dapat membantu responden untuk mendapatkan modal perniagaan.

Selain data yang telah dianalisa, terdapat juga cadangan penambahbaikan yang disoal di dalam borang selidik. Majoriti responden mencadangkan untuk pihak berwajib untuk menyediakan kursus berkeperluan khas bagi golongan OKU untuk menambahkan ilmu keusahawanan dan kemahiran agar memudahkan urusan OKU dalam memulakan perniagaan dan memajukan perniagaan daripada rumah dan premis perniagaan.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mendapati kebanyakan responden berminat untuk memulakan perniagaan namun disebabkan keterbatasan dari segi modal adalah terhad telah menghalang OKU dan menjadi punca mereka hilang semangat untuk terus berniaga. Walaupun inisiatif dan bantuan kerajaan telah diberikan namun ia tidak mencukupi bagi menampung modal perniagaan dan kehidupan apatah lagi dalam usaha untuk menaiktaraf aksesibiliti premis mesra OKU. Walaupun terdapat banyak kemudahan yang telah disediakan untuk OKU ini, namun masih ada segelintir yang tidak mendapat akses kepada informasi yang telah disediakan ini. Keterbatasan dari segi aksesibiliti dan mobiliti fizikal menjadi faktor utama bagi membangkitkan semangat dan penyelesaian OKU untuk menjalankan perniagaan di rumah dan premis persendirian.

RUJUKAN

- Abbas, L.N. & Md Khair, S.N.F. 2017. Entrepreneurial Intention among Special Needs Students. *Social Sciences dan Humanities*. 25 (April): 57–66.
- Abd Samad, N.A., Said, I. & Abdul Rahim, A. 2018. Planning accessibility strategies and connectivity for Malaysian urban built environment. *Studies in Health Technology and Informatics*. 256: 367–377.
- Amin, A.S. & Manap, J. 2017. Geografi, kemiskinan dan wanita kurang upaya di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 11(7): 82–91.
- Ammituh, R. & Abdullah, B. 2020. Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sumber Pendapatan Isi Rumah: Kajian kes Semporna Sabah 1–5.
- Buyung, M.R. & Shafii, H. 2018. Komponen fizikal pembinaan kolej kediaman lestari di Universiti Awam Malaysia: tinjauan literatur. *Geografi* 6(2): 42–56.
- Han, E.Y.S. 2017. Aktiviti Perniagaan Masyarakat Cina di Taiping Pada Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia, 1929-1935. Thesis Universiti Pendidikan Sultan Idris. 44(December): 115–136.
- Hasbullah, N.A. & Rahman, A.A. 2020. Peranan Pemegang Taruh Dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik Covid-19. 17: 71–89.
- Hossain, M. 2021. The effect of the Covid-19 on sharing economy activities. *Journal of Cleaner Production* 280: 124782.
- Jaafar, H.J., Wahab, H.A. dan Yaacob, N. 2017. Amalan Pengurusan Pekerja Kurang Upaya dalam Sesebuah Organisasi Berdasarkan Undang-Undang di Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 51(December).
- Korsgaard, S., Hunt, R.A., Townsend, D.M. & Ingstrup, M.B. 2020. COVID-19 and the importance of space in entrepreneurship research and policy. *International Small Business Journal: Researching Entrepreneurship*.
- Maidin, A.J. 2008. Legal Framework Regulating for Improving Accessibility to Built Environment for Disabled Persons in Malaysia. 1–14.
- Mohamad, A., Abdullah, S. & Abu Bakar, L.J. 2015. Transformasi Pemikiran Keusahawanan Bagi Dimensi Mengenal Peluang Keusahawanan dalam Kalangan OKU. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE) 1(1): 68–76*.
- Mustaffa, N.B. 2020. Mengatasi Kebimbangan Semasa Pandemik Covid-19 Dengan Pendekatan Teori Rational Emotive Behaviour Therapy (REBT). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(11): 10–16.
- Nasir, M.M. 2021. Covid-19: Perniagaan terjejas Covid-19: 1–7.
- Rashid, A.A. 2020. Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Pengangguran Semasa Wabak COVID-19*. 5(11): 1–9.
- Rashid, Rosliah A. & Hassan, F. 2020. Amalan dan Penglibatan Peniaga Kecil melalui Perniagaan Digital. *Geografi* 8(1): 1–20.
- Talha, R. 2020. Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk malaysia. *Jabatan Perangkaan Malaysia (Siri 17): 1–3*.
- Wahiza A.W.N. 2018. Perspektif futuristic dalam sokongan pekerjaan di Malaysia. *Pelan Tindakan Bagi Memperkasakan Penempatan Pekerjaan OKU*.